

Ikut kesesuaian, keperluan individu

Program PJJ UPM fleksibel

Oleh **MOHD. AZRAIE MD. YUSOF**
 pengarang@utusan.com.my

MENYAMBUNG pengajian ke peringkat lebih tinggi merupakan peluang kepada golongan bekerjaya untuk menambah nilai kualiti serta pengetahuan dalam diri.

Namun, hasrat itu mungkin terbantut kerana terikat dengan tuntutan kerja serta komitmen yang tinggi.

Bagi mengatasi masalah itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil inisiatif menyediakan program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) yang lebih fleksibel mengikut kesesuaian dan keperluan seseorang individu.

Dikendalikan oleh UPM Education & Training (UPMET), program PJJ UPM hanya memerlukan pelajar-pelajarnya bersempena dengan pensyarah sebanyak dua atau tiga kali dalam



Lebih menarik, program PJJ UPM turut menggunakan persidangan video yang dikenali sebagai Lintas Langsung Interaktif (LIP).

satu semester dan selebihnya, proses pengajian disokong dengan kelas tutorial, modul serta pembelajaran sendiri.

Lebih menarik, program PJJ UPM turut menggunakan persidangan video yang dikenali sebagai Lintas Langsung Interaktif (LIP).

Kombinasi antara internet dan video itu membolehkan pelajar di pusat pembelajaran melalui rakaman pembelajaran secara langsung.

Sesi kuliah turut dirakam dan dimuat naik ke dalam portal Video On Demand (VOD) untuk rujukan pelajar.

Terdapat 16 pusat pembelajaran bagi program PJJ UPM di seluruh negara, sekali gus memberi pilihan kepada pelajar untuk mengikuti sesi pembelajaran di lokasi yang terdekat tanpa memikirkan tentang kesulitan menghadiri kelas.

Pusat-pusat pembelajaran tersebut adalah di kampus utama UPM di Serdang, Selangor; Kuala Lumpur; Shah Alam (Selangor), Alor Setar (Kedah), Ipoh (Perak), Seremban (Negeri Sembilan), Ayer Keroh (Melaka), Johor Bahru (Johor), Kuantan (Pahang), Kota Bharu (Kelantan), Kota Kinabalu

dan Tawau (Sabah) serta Sibu, Kuching, Bintulu dan Miri (Sarawak).

Selain itu, UPM turut menawarkan program sepenuh masa tanpa melalui Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (UPU) di Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Saluran T20.

Saluran T20 bertujuan memberi peluang kepada calon yang tidak mendapat tempat kemasukan ke UPM melalui saluran perdana, walaupun memenuhi syarat minimum program di universiti itu.

Bagi kemasukan pada sesi semester pertama 2018/2019, tarikh tutup permohonan diploma dan ijazah sarjana muda adalah pada 20 Julai, manakala untuk program ijazah sarjana (master) dan Saluran pada 31 Julai ini.

GRADUAN UPM meraikan kejayaan mereka menamatkan pengajian dalam satu majlis konvokesyen.

